

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

11. Adakah Kerajaan Negeri telah bersedia memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0 dalam membekal kemudahan jalur lebar (fibre optik)? Jika ia, sila nyatakan pelan tindakan tersebut.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melihat penyediaan jalur lebar (fiber optik) adalah penting sebagai salah satu infrastruktur utama dalam pembangunan Bandar Pintar bertaraf antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan *Fiber Forward Penang (FFP)* di Negeri Pulau Pinang telah diluluskan Kerajaan Negeri pada 27 Mei 2015 dengan semua syarikat telekomunikasi menandatangani *Non Disclosure Agreement (NDA)* untuk menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi memasang fiber optik menggantikan rangkaian kuprum melalui *One Dig Policy* serta perkongsian struktur telekomunikasi bagi tujuan penjimatan kos dan mengurangkan jumlah struktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi daripada pihak Unit Pengurusan Maklumat Geospatial (PeGIS), 50% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah diliputi jajaran fiber sepanjang 3,217 km dengan 600 km daripadanya adalah di jalan-jalan utama negeri. Ini bermakna, 80% jalan-jalan utama telah diliputi fiber. *PDC Telecommunication and Services (PDCTS)* sebagai *One Stop Agency (OSA)* pemasangan fiber optik sedang merangka Pelan Infrastruktur Digital Pulau Pinang dan

pelaksanaan pemasangan Saluran Bersepadu Telekomunikasi
(*Telecommunication Common Ducting*) di Pulau Pinang.